

09 JAN 1999

INDIA-KONTRAK

PENILAIAN KONTRAK DI TAMIL NADU TELUS, KATA KETUA MENTERI

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Penilaian kontrak-kontrak kerajaan selatan wilayah India Tamil Nadu dijalankan secara telus, kata ketua menterinya M. Karunanidhi hari ini.

Proses penilaian tender "amat telus, terbuka dan cepat," dan ketelusan adalah kebanggaan kerajaan negeri Tamil Nadu, katanya pada pemberita di akhir lawatan tiga harinya ke Malaysia.

Beliau menjelaskan laporan mengenai pembantahan Petronas kerana kegagalan syarikat minyak itu memperolehi kontrak untuk projek gas asli cecair (LNG) di wilayah negeri tersebut.

Baru-baru ini, Petronas yang mengemukakan kontrak projek tersebut, telah membantah keputusan Tamil Nadu Industrial Development Corporation untuk menyerahkan kontrak projek loji tenaga dan terminal LNG Ennore bernilai AS\$1.6 bilion (AS\$1 = RM3.80) kepada konsortium yang diketuai Siemens.

Petronas membantah kerana kontrak tersebut diserahkan atas dasar konsortium yang diketuai Siemens itu telah memasukkan duti kastam 16 peratus dalam harga tawaran itu meskipun dokumen penawaran itu telah menyatakan tiada duti kastam ke atas LNG.

Sama ada peristiwa itu akan menjejaskan hubungan perniagaan antara negeri itu dan Malaysia, Karunanidhi berkata perkara itu tidak mungkin berlaku kerana semasa perjumpaannya dengan beberapa menteri Malaysia dan juga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, isu tersebut tidak dibangkitkan.

Beliau juga berkata Tamil Nadu, negeri dengan seramai 55 juta penduduk di India, menawarkan peluang pelaburan yang besar kepada para pelabur serta usahawan Malaysia.

Beliau menggesa pelabur Malaysia menyertai sektor prasarana di negeri itu.

Malaysia tergiat dalam beberapa projek prasaran di Tamil Nadu seperti lingkaran Chennai, lebuhraya empat lorong di Andra Pradesh dan di Bengal Barat.

Penjanaan tenaga dan bekalan air bawah tanah turut memberi peluang kepada usahawan-usahawan Malaysia, katanya sambil menambah bahawa Tamil Nadu juga berminat untuk membangunkan pelabuhan kecil di Kulachal dengan pihak Malaysia.

Tamil Nadu juga mengalu-alukan syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di dalam sektor teknologi maklumat kerana negeri itu menawarkan tenaga pekerja yang agak murah, di samping beberapa insentif, katanya.

Secara amnya, dagangan Malaysia dengan India meningkat kepada RM8.006 bilion sehingga akhir November 1998 berbanding RM5.441 bilion pada keseluruhan tahun 1997, merangkumi 1.2 peratus daripada nilai dagangan dunia Malaysia.

Secara terkumpul, pelaburan Malaysia bernilai RM1.715 bilion dalam sektor prasarana dan pembuatan di India.

-- BERNAMA

MK MA